# CARTA ORGANISASI TIM PENGURUSAN BENCANA PALAPES UM 2020



# TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

| BIL. | FUNGSI | PERANAN |
|---|---|---|
| 1 | Pengurus Kecemasan | Peranan Pencegahan (Sepanjang Masa)<br><br>1. Mengawasi dan menentukan sistem pencegahan kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi<br>2. Memastikan jalan-jalan, laluan-laluan keluar, pintu-pintu dan tangga-tangga keselamatan bebas dari sebarang halangan dan boleh digunakan oleh penghuni semasa kecemasan<br>3. Pengawasan ke atas bahaya-bahaya kebakaran (sediakan 'check list' untuk menjalankan pemeriksaan)<br>4. Melatih penghuni-penghuni mengenai cara-cara bertindak menyelamatkan diri semasa kecemasan<br><br>Peranan Bertindak Semasa Kecemasan/Latihan<br><br>1. Menyelaras dan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli jawatankuasa bertindak kecemasan dari semasa ke semasa<br>2. Mengetuai operasi latihan/kecemasan bagi keseluruhan bangunan<br>3. Bersedia di bilik kawalan kecemasan, menerima laporan dan membuat perhubungan dengan pegawai insiden, pegawai pengungsian dan pegawai keselamatan<br>4. Membuat pengumuman di tingkat-tingkat yang dikehendaki penghuninya keluar<br>5. Melaporkan perihal kecemasan kepada Pegawai Operasi Bomba yang tiba |
| 2 | Pencatat Kejadian (Historian) | Seorang pencatat kejadian perlu semasa kecemasan/latihan<br><br>1. Ia adalah pembantu kepada Pengurus Kecemasan (Emergency Manager)<br>2. Berfungsi mencatatkan scenario kecemasan tersebut<br>3. Ia mula mencatat dari mula penggera kecemasan berbunyi hingga keadaan pulih seperti sediakala<br>4. Ia sentiasa berada bersama Pengurus Kecemasan (Emergency Manager) di dalam bilik kawalan kecemasan |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | Pegawai Pengungsian (Evacuation Controller) | 1. Bertanggungjawab ke atas keselamatan penghuni/kakitangan bangunan secara menyeluruh<br>2. Menyelaras semua prosedur yang berkaitan dengan pengungsian bangunan<br>3. Dibantu oleh Ketua Tingkat dan Pasukan Perubatan<br>4. Dapatkan maklumat dari Ketua Tingkat dan Pasukan Perubatan mengenai pengungsian dan sampaikan maklumat tersebut kepada Pengurus Kecemasan (Emergency Manager) |

# TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

| BIL. | FUNGSI | PERANAN |
|---|---|---|
| 4 | Ketua Tingkat (Floor Warden) | 1. Bertanggungjawab terhadap pengungsian penghuni daripada tingkat apabila loceng amaran dibunyikan<br>2. Senarai nama penghuni tingkat perlu dikemaskini setiap masa<br>3. Membuat pemeriksaan terakhir di tingkat sebelum meninggalkan tingkat<br>4. Memaklumkan kepada bilik kawalan sebelum meninggalkan tingkat<br>5. Membuat panggilan nama di tempat berkumpul<br>6. Melaporkan kepada pegawai pengungsian selepas membuat panggilan nama |
| 5 | Pasukan Perubatan (Medic Team) | 1. Terdiri daripada Pegawai Perubatan yang terlatih atau paramedik atau 'First Aider'<br>2. Memberi bantuan awal kepada mangsa sebelum ambulan tiba<br>3. Mempunyai kelengkapan asas untuk merawat mangsa |

| | | |
|---|---|---|
| | | 4. Menentukan tempat untuk merawat mangsa di tempat berkumpul<br>5. Sentiasa berhubung dengan pegawai pengungsian |
| 6 | Pegawai Insiden (Incident Controller) | 1. Bertanggungjawab untuk mengurus dan mengawal semua kejadian kecemasan<br>2. Mengarahkan pasukan pemadam serta pasukan mencari dan menyelamat menjalankan tugas pemadaman dan menyelamat mangsa pada peringkat awal kecemasan<br>3. Memantau dan mendapatkan maklumat mengenai kecemasan dari pasukan pemadaman dan pasukan mencari dan menyelamat dari masa ke semasa<br>4. Mengarahkan pasukan pemadam meninggalkan tempat kecemasan sekiranya tidak dapat dikawal dan mengancam keselamatan diri<br>5. Serahkan tugas kepada pihak Bomba apabila pasukan Bomba tiba |
| 7 | Pasukan Pemadam dan Pasukan Mencari dan Menyelamat (Fire & SAR Team) | Sebelum Kecemasan/Latihan<br><br>1. Memastikan keperluan peralatan menentang kebakaran sentiasa berada dalam keadaan baik<br>2. Mahir dan terlatih dalam mengendalikan peralatan menentang kebakaran<br><br>Semasa Kecemasan/Latihan<br><br>1. Berkumpul di bilik kawalan kecemasan<br>2. Menerima arahan terus dari Pegawai Insiden (Incident Controller)<br>3. Memakai pakaian lengkap operasi (jaket, helmet, kasut, glove dan breathing apparatus)<br>4. Bekerjasama dengan Pasukan Mencari dan Menyelamat<br>5. Sentiasa berhubung dengan Pegawai Insiden (Incident Controller) untuk mendapatkan maklumat semasa<br>6. Mengambil langkah berjaga-jaga jika kecemasan tidak dapat dikawal |

| | | |
|---|---|---|
| | | 7. Serahkan tugas kepada pihak Bomba apabila mereka tiba |

# TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

| BIL. | FUNGSI | PERANAN |
|---|---|---|
| 8 | Pasukan Penyelenggara (Maintenance Team) | 1. Jurutera/juruteknik akan berada di luar bilik kawalan untuk membantu pasukan Bomba jika ada masalah elektrikal atau mekanikal<br>2. Menutup bekalan ketika kecemasan<br>3. Menyambung bekalan ketika suasana sudah pulih<br>4. Mengenalpasti bekalan tambahan yang diperlukan oleh Bomba<br>5. Menyelaras keperluan infrastruktur komunikasi sebelum, ketika dan selepas kecemasan<br>6. Membantu Pengurus Kecemasan dalam hal Peranan Pencegahan (Sepanjang Masa) seperti berikut:<br>a. Mengawasi dan menentukan sistem pencegahan kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh berfungsi<br>b. Mempastikan jalan-jalan, laluan-laluan keluar, pintu-pintu dan tangga-tangga keselamatan bebas dari sebarang halangan dan boleh digunakan oleh penghuni semasa kecemasan<br>c. Pengawasan ke atas bahaya-bahaya kebakaran (sediakan 'check list' untuk menjalankan pemeriksaan)<br>7. Sentiasa berhubung dengan Pegawai Insiden (Incident Controller) ketika kecemasan/latihan |
| 9 | Pegawai Keselamatan (Security Controller) | 1. Bertanggungjawab ke atas panggilan kecemasan, kawalan trafik dan orang ramai di sekitar bangunan<br>2. Dibantu oleh seorang operator telefon, pasukan kawalan keselamatan dan pasukan kawalan trafik<br>3. Sentiasa berhubung dengan operator, pasukan kawalan keselamatan dan pasukan kawalan trafik untuk mengetahui perkembangan semasa |
| 10 | Pengawal Keselamatan | 1. Bertanggungjawab ke atas kawalan orang ramai di sekitar bangunan |

| | | |
|---|---|---|
| | | 2. Menghalang orang yang tidak bertanggungjawab dari mencerobohi bangunan<br>3. Sentiasa berada di setiap pintu keluar masuk bangunan<br>4. Membantu menunjuk arah kepada penghuni bangunan untuk ke tempat berkumpul |
| 11 | Lalu lintas | 1. Pasukan ini berada di setiap jalan masuk utama ke bangunan<br>2. Bertugas mempastikan lalulintas berjalan lancer dan tidak mengganggu kehadiran pasukan Bomba<br>3. Serahkan tugas ini apabila pasukan PDRM tiba |
| 12 | Penyambut Telefon (Operator) | Seorang operator telefon perlu bagi urusan komunikasi<br><br>1. Ia berada dalam bilik kawalan kecemasan<br>2. Bertugas menghubungi jabatan yang berkaitan semasa berlaku kecemasan (Bomba, Polis dan Ambulan)<br>3. Bertanggungjawab menghubungi pegawai atasan/pengurus bangunan<br>4. Bertanggungjawab menjawab sebarang pertanyaan dari orang ramai melalui panggilan telefon |

# TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

| BIL. | FUNGSI | PERANAN |
|---|---|---|
| 13 | Pegawai Perancangan | 1. Bertanggungjawab ke atas aktiviti perancangan tindakan kecemasan (Emergency Response Planning)<br>2. Berhubung dengan pihak Bomba, PDRM dan penginsurans berkenaan dengan penyerahan dokumen dan senarai kerugian apabila berlaku kecemasan<br>3. Berhubung dengan JPPHB, penginsurans dan adjuster untuk menentukan tarikh dan masa pentaksiran kerugian |

| | | |
|---|---|---|
| | | 4. Sentiasa berhubung dengan dokumentasi serta kos/tuntutan untuk dokumen dan data yang diperlukan oleh pihak Bomba, PDRM dan penginsurans<br>5. Berhubung dengan Pengurus Kecemasan untuk menentukan masa aktiviti demobilisasi boleh dijalankan |
| 14 | Dokumentasi | 1. Menyimpan dan menyediakan dokumentasi berkaitan dengan kecemasan<br>2. Berhubung dengan JPPHB berkenaan dengan penyediaan dokumen kritikal<br>3. Membantu Pegawai Perancangan untuk berhubung dengan pihak Bomba, PDRM dan penginsurans berkenaan dengan penyerahan dokumen apabila berlaku kecemasan |
| 15 | Kesiagaan | 1. Menyelaras latihan penghuni-penghuni mengenai cara-cara bertindak menyelamatkan diri semasa kecemasan<br>2. Mengenalpasti dan menyimpan keperluan latihan mereka yang terlibat dengan pengurusan bencana |
| 16 | Demobilisasi | 1. Mengkoordinasi aktiviti demobilisasi ketika suasana kecemasan sudah pulih |
| 17 | Pegawai Logistik | 1. Berhubung dengan Pegawai Perancangan, Pegawai Pengungsian (Evacuation Controller) dan Pegawai Insiden (Incident Controller) untuk keperluan pengangkutan ketika demobilisasi<br>2. Berhubung dengan Pegawai Perancangan, Pegawai Pengungsian (Evacuation Controller) dan Pegawai Insiden (Incident Controller) untuk keperluan pasukan pengurusan bencana, pekerja dan mangsa ketika dan selepas kecemasan seperti kelengkapan, makanan, tempat tinggal, penerusan aktiviti mangsa dsb |
| 18 | Pengangkutan | 1. Menyelaras keperluan pengangkutan ketika dan selepas kecemasan kecuali dalam aktiviti berkaitan dengan bantu mula |
| 19 | Fasiliti | 1. Menyelaras keperluan pekerja dan mangsa ketika dan selepas kecemasan seperti makanan, tempat tinggal, penerusan aktiviti mangsa dsb |
| 20 | Perolehan | 1. Menyelaras keperluan perolehan ketika atau selepas kecemasan |
| 21 | Pegawai Pentadbiran | 1. Menyelaras hal ehwal berkaitan dengan pentadbiran bencana |
| 22 | Perundangan | 1. Menyelaras hal perundangan yang berkaitan |
| 23 | Perhubungan Awam | 1. Menyelaras hal |

| | | |
|---|---|---|
| | | perhubungan awam yang berkaitan |
| 24 | Kos/Tuntutan | 1. Menganalisis kos yang terbabit untuk sesuatu kejadian untuk tindakan Pegawai Perancangan |